



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI

PEN. 10/76/42(PM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan
sebelum pukul 8.00 malam pada 8.10.76.

PERDANA MENTERI DALAM MAJLIS PERPISAHAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, dalam majlis perpisahan Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara pada hari Jumaat, 8hb. Oktober, 1976 di Bangunan Parlimen jam 9.00 malam.

Halam ini, bolehlah saya sifatkan sebagai malam keluarga, antara kita sama kita. Kita juga masih berada dalam suasana Hari Raya. Oleh itu, kita gunakan majlis ini sebagai peluang bermaaf-maafan, Halal bihalal dan perkukuhkan persefahaman dan perpaduan.

Kita juga hadir dalam majlis yang berbahagia ini, yang pada hemat saya, mempunyai dua erti. Pertama, kita mengucapkan selamat berpisah kepada Tan Sri Abdul Kadir yang telah menamatkan khidmatnya sebagai Ketua Setiausaha Negara. Sambil itu, kita mengucapkan kepada beliau selamat bertugas untuk berkhidmat sebagai Pengerusi PETRONAS.

Keduanya, ialah untuk mengalu-alukan Ketua Setiausaha Negara yang baru, iaitu Datuk Abdullah Salleh yang telah memulakan tugasnya. Di samping itu, saya juga mengalu-alukan pertukaran jawatan pegawai-pegawai lain, khususnya di Jabatan Perdana Menteri seperti Datuk Aziz Zakaria, Datuk Rohzan dan lain-lainnya.

Tokoh-tokoh yang diraikan ini tidaklah asing kepada kita semua kerana mereka telah berada di tengah-tengah kita, turut sama dalam usaha-usaha melicinkan pentadbiran negara dan melaksanakan rancangan kerajaan dalam semua bidang. Pada mulanya, saya merasa berat untuk melepaskan Tan Sri Kadir dari jawatannya, oleh sebab beliau telah begitu sabati dengan kami orang-orang politik, sebelum sesudah merdeka. Tetapi setelah memikirkan kepentingan masa depan perkhidmatan dan perlunya beliau mula berkhidmat dengan PETRONAS, saya telah mengarahkan supaya perubahan ini dibuat segera.

Sungguhpun beliau telahpun bersara dari khidmat kerajaan, tetapi menurut kenyataan beliau sendiri, public servicenya masih belum berakhir. Saudara-saudara tentulah bersetujui khidmatnya masih diperlukan oleh negara, dalam beberapa lapangan yang lain. Pada pertimbangan saya, sekalipun kita tidak dapat sumbangan baktinya, dari segi pentadbiran kerajaan, tetapi saya percaya khidmatnya mengendalikan PETRONAS, akan menjadi satu sumbangan yang besar kepada kita sekalian dan juga negara.

Demikian juga, perlantikan Datuk Abdullah Salleh sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru tentulah membuka jalan bagi

(tambahan)

PEN. 10/76/42(PM)

(hubungan 2)

pegawai-pegawai yang berbakat dalam perkhidmatan awam untuk meningkat naik dan mendapat peluang yang sewajarnya.

Tan Sri Kadir mempunyai rekod perkhidmatan yang sungguh cemerlang iaitu selama 37 tahun. Ini merupakan satu rekod yang lama. Beliau mula berkhidmat dari jawatan yang rendah, dan naik, sehinggalah kepada kedudukan yang paling tinggi sekali. Saya diberitahu beliau ialah Ketua Setiausaha Negara yang kedua lama tempoh perkhidmatannya. Tidak syak lagi, beliau merupakan satu-satunya pegawai anak Malaysia yang telah berjasa. Di samping beliau telah menjadi tokoh pentadbir yang terkemuka, saya percaya beliau boleh memberikan contoh yang sangat baik dari segi kecekapan kerja dan pemikiran untuk ditiru dan diikuti, oleh pegawai-pegawai yang sedang dan akan berkhidmat.

Pada hemat saya, careernya menggambarkan kemampuan dan keazaman seorang belia yang ingin maju dan menambah pengalaman dan pengetchuan. Dengan ketekunan serta keazamannya beliau telah dapat melayakkan diri menjadi seorang peguam. Gabungan daripada pengalaman dan kelayakannya itu, menjadikan beliau seorang pentadbir yang cekap dan pintar, disegani serta dihormati oleh semua gulungan. Sifatnya yang humble, airmukanya yang sentiasa senyum manis, serta kesanggupannya untuk menemui setiap pegawai yang ingin herjumpa-dengannya, merupakan watak-watak seorang pegawai pentadbir yang approachable dan mempunyai calibre. Watak-watak inilah, pada hemat saya, patut sangat menjadi contoh tauladan kepada setiap pegawai, dalam perkhidmatan awam negara kita ini.

Satu lagi kelebihan Tan Sri Kadir ini ialah beliau seorang pegawai yang involved sepenuhnya dalam pemikiran dan perancangan kerajaan. Sebagai Setiausaha Jumaah Menteri, beliau sentiasa berada bersama-sama kami orang politik. Oleh itu, bolehlah saya sifatkan 'He is in it, although not quite in it'.

Saya mengambil contoh yang disebutkan tadi kerana saya mendapat tahu ada kecil sebilangan pegawai-pegawai yang tidak mempunyai masa bertemu dengan rakyat; ada yang terlalu 'officious', sehinggalah tanpa appointment, rakyat biasa bahkan rakan pegawai sekalipun tidak dapat bertemu dan berunding dengannya. Ada yang tidak mahu melibatkan diri dengan pemikiran kerajaan yang bersifat politik. Pada hemat saya, ini bukanlah sifat pegawai pentadbir yang baik. Ini merupakan watak keangkuhan yang tidak mendatangkan munfaat kepada diri dan negara kita.

Oleh yang demikian, saya meminta kepada seluruh pegawai, terutama dalam zaman pembangunan ini membetulkan sikap, menumpukan perhatian kepada gulungan yang ditadbir, kerana pada hakikatnya, wujudnya gulungan pegawai itu ialah kerana wujudnya sistem kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Khidmat mereka perlulah ditumpu dan ditumpahkan kepada rakyat.

(tambahan)

PEN. 10/76/42(PM)

(hubungan 3)

Saya merasa kesal kerana di zaman penjajah sekalipun, pegawai expatriate mempunyai masa untuk bertemu dengan menggunakan diplomasi tertentu bagi menawan dan memenangi hati dan jiwa rakyat itu. Tidak ada sebab mengapa kita, dalam keadaan sekarang ini, segan mengambil contoh yang baik, kerana tugas seorang pentadbir yang baik, ialah untuk memahami, mengetahui, menyedari dan melaksanakan aspirasi rakyat di negara ini.

Menyentuh mengenai sifat ahli pentadbir ini, izinkanlah saya melanjutkan pandangan bahawa ada banyak perkara, yang saya rasa patut pegawai-pegawai, di semua peringkat, menggunakan daya fikiran dan inisiatif bagi menentukan kelicinan pentadbiran. Saya diberitahu masih ada sebilangan kecil pegawai yang berkerja dengan menunggu arahan.

Saya mendapati rungutan daripada rakyat, kalangan swasta tentang kelambatan menjawab surat-surat, memberikan keputusan dan sebagainya. Saya percaya, setiap saudara yang menjadi pegawai pentadbir, tentulah telah diberikan bimbingan dan latihan dalam perkara ini. Di samping itu, setiap kita mempunyai conscience, kesedaran dan keinsafan. Pegawai-pegawai yang tidak mempunyai keinsafan dan conscience ini disifatkan sebagai pegawai yang merugikan negara.

Perkhidmatan awam di negara kita ini mempunyai tradisi yang baik dan mutu khidmat yang cekap. Saya berharaplah supaya setiap pegawai-pegawai perkhidmatan awam akan sentiasa memelihara dan mengekalkan tradisi ini kerana asas perkhidmatan awam ialah mempunyai sifat-sifat amanah dan kejujuran yang tinggi.

Di samping itu, saya juga mahu setiap pegawai mempunyai rasa dedikasi, mempunyai sense of satisfaction dalam menjalankan kerja-kerja. Bagi mereka yang mempunyai kedudukan, yang disifatkan position of trust, peliharalah kedudukan ini sebaik-baiknya dan janganlah mengambil kesempatan apa yang disifatkan sambil menyelam minum air.

Satu hakikat yang patut disedari juga ialah kerajaan yang dipilih ini, this elected government will come and go. Akan tetapi, Civil Service dan anggotanya tetap kekal dan oleh itu, perlulah setiap pegawai menjadi asas jentera pentadbiran.

Saudara-saudara juga tentu sedar bahawa pentadbiran, bukanlah terletak di tangan ahli-ahli politik tetapi terusnya terletak pada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Jagalah kedudukan ini kerana pada keyakinan saya harapan negara di masa depan, adalah terletak pada kejujuran dan sifat-sifat amanah anggota perkhidmatan awam itu.

Sebagai penutup, saya ingin sekali lagi mengalu-alukan Ketua Setiausaha Negara yang baru dan menyeru setiap gulungan pegawai yang masih muda, kerajaan telah memberi amanah dan kepercayaan kepada beliau. Kita sama-sama berdoa yang beliau akan tetap upholds the trust and confidence given to him.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana sudi menjemput kami berdua ke majlis ini. Terima kasih.

Kuala Lumpur,
8hb. Oktober, 1976. (dikeluarkan pada pukul 12.00 t/hari)
HY/na.

=====



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia



PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



OCT 1976

No. Siri	215
No Penerimaan	19/76